

Kata Pemeri

Terbahagi kepada dua iaitu ialah dan adalah.

ialah

> Digunakan untuk menjelaskan subjek dengan frasa nama
> Contoh ayat: Dani ialah anggota Skuad Prihatin.

adalah

> Digunakan untuk menerangkan subjek dengan frasa adjektif dan frasa sendi nama
> Contoh ayat: Hadiah ini adalah untuk ibu Hazim.

NAMA:

KELAS:

Isi tempat kosong dengan kata pemeri iaitu **ialah** atau **adalah** dalam ayat-ayat di bawah.

Frasa yang berwarna kuning terdiri daripada frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi. Sila kenal pasti kata pemeri yang betul berdasarkan frasa tersebut.

1. Haziq ketua murid di sekolahnya.
2. Tujuan kempen membaca diadakan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid.
3. Murid yang cemerlang itu daripada kelas 5 Cerdas.
4. "Nama kucing yang comel ini Si Gebus," kata Aliya.
5. Kata-kata Taufiq tentang kawan baiknya benar.
6. Makanan yang dijual di restoran itu mahal sekali.
7. Pemilik kereta mewah itu Puan Aminah, iaitu ibu kepada Amna.
8. Tujuan lawatan sambal belajar untuk menambah pengalaman murid.
9. Warga emas dan kanak-kanak golongan yang mudah dijangkiti wabak Covid-19.
10. Aspek kebersihan sangat penting yang perlu diamalkan oleh setiap orang.